




# LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

## BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur  
Tel : 603-26108140 (Pendaftaran Firma JUB)  
: 603-26107809 (Pendaftaran JUB Berdaftar)  
: 603-26107803 (Pendaftaran JUB Siswazah)  
: 603-26108147 (IT), 603-2610 8142 (Akaun)  
: 603-26107999 (CPD)  
Fax: 603-26925680  
E-mail: info@bqsm.gov.my  
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: DATO' Sr ABDULL MANAF BIN H.J. HASHIM  
DIMP, KMN, AMN, AMT, PJC, FRISM  
Pendaftar: Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM  
KMN, AMP, FRISM  
Setiausaha: Sr ROZNITA BINTI OTHMAN, MRISM,  
SRegPM, CPMA, CKM

### SURAT PEKELILING BIL. 1/2013

30 Januari 2013

Kepada : Semua Firma Juruukur Bahan Perunding / Juruukur Bahan Berdaftar

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

#### GARISPANDUAN BAGI PERUBAHAN DALAM STRUKTUR FIRMA JURUUKUR BAHAN PERUNDING YANG BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (LJBM)

##### 1.0 Tujuan

Garispanduan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada Firma Juruukur Bahan Perunding yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) mengenai prosedur perubahan dalam struktur firma sama ada dari segi struktur pengarah/rakankongsi dan/atau struktur ekuiti firma

##### 2.0 Tafsiran

Bagi tujuan garis panduan ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- a. "Firma Juruukur Bahan Perunding" merupakan firma yang berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM
- b. "struktur pengarah/rakankongsi" merupakan komposisi pengarah / rakankongsi dalam sesebuah firma pertubuhan perbadanan / perkongsian
- c. "struktur ekuiti" merupakan komposisi pegangan saham /syer / bahagian dalam sesebuah firma pertubuhan perbadanan/perkongsian
- d. "status firma" merupakan kategori pendaftaran firma sama ada pertubuhan perbadanan atau perkongsian atau ketuanpunyaan tunggal

### **3.0 Latar Belakang**

Sejak kebelakangan ini, LJBM mendapati terdapat Firma Juruukur Bahan Perunding yang melakukan perubahan dalam struktur firma mereka tanpa memaklumkan kepada LJBM.

Berdasarkan seksyen 7A(4) Akta Juruukur Bahan 1967, sebuah Firma Juruukur Bahan Perunding mesti memaklumkan kepada LJBM mengenai sebarang perubahan dalam struktur pengarah/rakankongsi mahupun ekuiti dalam tempoh 30 hari daripada tarikh perubahan tersebut

### **4.0 Garispanduan Perubahan Dalam Struktur Firma**

4.1 Firma Juruukur Bahan Perunding yang ingin membuat sebarang perubahan dalam struktur pengarah/rakankongsi mahupun ekuiti boleh membuat permohonan kepada LJBM secara :

- i) Melengkapkan aplikasi "Change of Firm's Structure" di dalam sistem ReQSys yang boleh dicapai melalui laman web LJBM, <http://bqsm.gov.my>
- ii) Melengkapkan Borang Permohonan Perubahan Dalam Struktur Firma yang boleh dimuat turun melalui laman web LJBM, <http://bqsm.gov.my>

4.2 Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bagi permohonan tersebut :

- i) Bagi firma berstatus pertubuhan perbadanan :
  - a) Salinan Borang 49 yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat atau Juruukur Bahan Berdaftar yang bukan dari firma berkenaan; dan
  - b) Salinan Borang 24 dan Borang 32A yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat atau Juruukur Bahan Berdaftar yang bukan dari firma berkenaan (sekiranya melibatkan perubahan struktur ekuiti)
- ii) Bagi firma berstatus perkongsian :
  - a) Salinan Perjanjian Rakankongsi yang telah disetemkan
- iii) Surat perletakkan jawatan/keizinan untuk menjadi rakankongsi/pengarah dalam firma yang memohon sekiranya individu yang ingin dilantik mempunyai komitmen dengan firma lain
- iv) "Curiculum Vitae" bagi rakankongsi / pengarah yang ingin dilantik

4.3 Permohonan hendaklah dikemukakan ke pejabat LJBM bersama-sama dengan bayaran pemprosesan sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia Seratus sahaja)

4.4 Semua Firma Juruukur Bahan Perunding / Juruukur Bahan Berdaftar diingatkan supaya memastikan sebarang perubahan dalam struktur firma dan ekuiti yang dilakukan adalah memenuhi keperluan Akta Juruukur Bahan 1967, Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (pindaan) 2004, dan Garispanduan Pendaftaran LJBM.

**5.0 Perubahan Status Firma**

- 5.1 Sekiranya sesebuah firma ingin membuat perubahan status pendaftaran, prosedur yang perlu dilakukan dan syarat-syarat permohonan adalah sama seperti permohonan pendaftaran baru firma. Satu fail baru dengan nombor pendaftaran baru akan diwujudkan untuk firma tersebut, manakala pendaftaran firma yang lama akan berstatus tidak aktif.


**6.0 Tarikh Kuat Kuasa**

Keperluan-keperluan di atas adalah berkuatkuasa serta-merta bagi semua Firma Juruukur Bahan Perunding

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Dengan Perintah Lembaga,



Sr Abd Shukor bin Ibrahim  
Pendaftar  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia